

Jenis Akhbar : Bernama

Tarikh : 29/01/2026

Edisi / Muka Surat : <https://www.bernama.com/>

Tajuk : ANGKASA Optimum Peruntukan RM4.4 Juta KWAPB Perkasa Ekosistem Koperasi

ANGKASA Optimum Peruntukan RM4.4 Juta KWAPB Perkasa Ekosistem Koperasi

🕒 29/01/2026 06:28 PM



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Steven Sim meluangkan masa melawat Muzium ANGKASA ketika mengadakan lawatan rasmi ke Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), hari ini. Turut sama Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah (kanan). --fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan mengoptimumkan peruntukan RM4.4 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) bagi memperkasa ekosistem koperasi merangkumi aspek pendidikan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan berimpak tinggi.

Presiden ANGKASA Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata peruntukan itu akan dimanfaatkan bagi memastikan gerakan koperasi kekal relevan dan berdaya saing khususnya dalam mendepani cabaran pendigitalan serta perluasan pasaran selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

"Antara perancangan utama ialah pengukuhan pendidikan koperasi melalui inisiatif seperti Program Pembangunan Kepimpinan dan Keusahawanan Muda Koperasi (SLiCE) serta Program Kepimpinan Koperasi (CLP) bagi melahirkan pemimpin koperasi yang kompeten," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas menerima lawatan rasmi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Steven Sim Chee Keong di Wisma ANGKASA hari ini.

Terdahulu, Sim mengumumkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM254 juta bagi pelaksanaan 28 program pembangunan koperasi sepanjang tahun ini, yang juga jumlah tertinggi sejak gerakan koperasi ditubuhkan di negara ini.

Beliau berkata peruntukan itu, yang mencatat peningkatan 167 peratus berbanding tahun lepas, melibatkan RM226 juta melalui Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan RM27.9 juta dalam bentuk geran pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Dana RM27.9 juta itu diperuntuk dalam bentuk geran melibatkan 20 program di bawah KWAPb, Kumpulan Wang Pusat dan Bajet Pembangunan RMK13.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata ANGKASA turut merangka program bersasar untuk memacu perniagaan melalui pembentukan konsortium, pepadanan perniagaan dan transformasi digital.

“Kaedah bimbingan mentor-menti akan diperkukuh bagi meningkatkan perolehan ekonomi koperasi komuniti dan memastikan setiap dana memberi manfaat langsung kepada anggota di semua peringkat,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan atas kepercayaan kerajaan dan memaklumkan bahawa ANGKASA akan terus bekerjasama erat dengan SKM bagi memastikan pelaksanaan program yang telus serta berimpak tinggi terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

-- BERNAMA